

07 AUG 1996
LEAD Mahathir - TNB
MONOPOLI TENAGA NASIONAL DITENTUKAN SELEPAS KAJIAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan melantik perunding asing untuk mengkaji semula peranan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kajian semula itu meliputi keseluruhan sistem penjanaan dan pengagihan, termasuk kemungkinan mengadakan grid kebangsaan kedua atau sistem sokongan yang lebih berkesan bagi memastikan gangguan bekalan seperti Sabtu lepas tidak berulang.

Beliau berkata soal sama ada monopoli TNB dalam pengagihan bekalan elektrik akan dipecahkan hanya diketahui selepas kajian itu selesai.

"Belum tentu lagi kita pecah (monopoli Tenaga Nasional) atau tidak. Mungkin kita ada second national grid (grid kebangsaan kedua) or something like that (sesuatu yang serupa)," katanya kepada pemberita di sini selepas mengunjungi Perdana Menteri Fiji, Sitiveni L. Rabuka, yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke negara ini hari ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, telah memberi taklimat kepada Jemaah Menteri pagi tadi mengenai gangguan besar dalam bekalan elektrik ke seluruh Semenanjung hujung minggu lepas.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya kemudian, Moggie berkata perunding asing itu akan mengkaji semula keseluruhan sistem dan rangkaian TNB, termasuk sama ada gangguan bekalan itu turut berpunca daripada kelemahan yang serius dalam pengurusan TNB sehingga memerlukan ia dirombak.

Dr Mahathir berkata Jemaah Menteri tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh TNB, melalui Moggie, berhubung gangguan besar itu.

"Beliau cuma jelaskan mengapa ia berlaku dan penjelasan itu tidak banyak bezanya seperti sebelum ini.

"Kita tidak begitu peduli mengapa ia berlaku tetapi yang kita lebih pentingkan ialah jaminan bahawa ia tidak akan berulang.

"Menteri (Moggie) hanya echoed (sampaikan) apa yang TNB kata. TNB masih kata walaupun dia akan tentukan (gangguan besar tidak berulang) tapi dia tidak berani beri jaminan dan ini sukar bagi kita terima kerana negara-negara lain tak ada national blackout (gangguan seluruh negara) macam ini," katanya ketika ditanya mengenai penjelasan Moggie.

Perdana Menteri berkata memandangkan TNB tidak dapat memberi jaminan itu, Kabinet berpendapat lebih baik perunding asing dilantik untuk meneliti masalah berkenaan bagi menentukan tiada lagi gangguan besar seperti itu pada masa depan.

Dr Mahathir berkata TNB sepatutnya sedar mengenai masalah yang timbul berikutan pergantungannya kepada sistem pengagihan sekarang iaitu apabila berlaku gangguan besar di sesebuah stesen janakuasa, seluruh negara turut terbabit.

"Kalau dah kita tahu itu boleh berlaku, kenapa kita ada rangkaian-rangkaian ini, kenapa tidak kita pulau-pulaukan satu-satu kawasan," kata beliau.

Katanya Jemaah Menteri berpendapat ada beberapa cara untuk mengatasi masalah itu seperti sistem pengagihan bekalan secara dipulau-pulaukan, iaitu apabila berlaku gangguan di Kuala Lumpur, hanya Kuala Lumpur sahaja yang terlibat manakala tempat-tempat lain tidak terjejas.

Perdana Menteri berkata sistem sekarang sukar menjamin gangguan besar tidak berlaku kerana apabila terjadi gangguan di satu-satu rangkaian, rangkaian-rangkaian lain terpaksa pula menyalurkan beban melebihi kemampuan sehingga akhirnya ia juga tidak mampu menanggungnya dan akibatnya seluruh

negara terpaksa bergelap.

"Kita perlu ada pendekatan yang baru. Cara lama dengan national grid yang berangkai-rangkai bila satu jatuh semua jatuh macam domino, kita tak boleh pakai lagi," katanya.

Menurut beliau tiada gunanya Malaysia mempunyai bekalan tenaga berlebihan jika tenaga simpanan itu tidak boleh digunakan semasa perlu akibat sistem sekarang tidak mengizinkan.

Ketika ditanya apakah yang telah dilakukan oleh TNB hasil daripada kajian sebuah syarikat perunding yang dilantik selepas gangguan besar pada 1992, Dr Mahathir berkata tidak semua yang dicadangkan itu telah dilaksanakan manakala pelantikan perunding asing kali ini pula perlu kerana punca kejadian 1992 berbeza dengan yang berlaku Sabtu lepas.

Katanya gangguan besar pada 1992 berlaku selepas panahan petir ke atas stesen janakuasa elektrik di Paka, Terengganu manakala kejadian Sabtu lepas berpunca daripada kerosakan di kawasan stesen yang sama.

Mengenai sama ada pengurusan TNB akan dirombak jika kajian menunjukkan terdapat kelemahan yang serius, Perdana Menteri berkata perkara itu perlu dikaji secara mendalam.

Bagaimanapun, beliau berkata menukarkan seseorang hanya kerana berlaku sesuatu insiden bukanlah cara untuk mengatasi masalah.

"Tan Sri Ani Arope (Pengerusi Eksekutif TNB) sepatutnya bersara bulan sudah tapi oleh sebab tertentu dia dilanjutkan sebulan lagi dan (gangguan besar) jadi masa dia.

"Kalau dia dah berhentipun (bulan lepas) benda ini berlaku juga (Sabtu lepas). Demikian juga kalau ada orang lain boleh juga berlaku kerana bukan ketua itu sahaja yang bertanggungjawab, banyak lagi yang terlibat," katanya. -- BERNAMA

AH MAI